

Peniaga disaran ikut skim kawalan harga yang ditetapkan KPDNHEP

Mei 21, 2020 Ditulis oleh Media Baharu



JASIN, 21 Mei - Di Melaka; peniaga disaran mengikut skim kawalan harga yang ditetapkan KPDNHEP.

Langkah berkenaan penting bagi mengelak sebarang manipulasi harga terutama barang basah.

Exco negeri, Datuk Ismail Othman berkata, ini memandangkan permintaan tinggi daripada pengguna sepanjang tempoh PKPB yang memberi ruang buat peniaga memanipulasikan harga.

Kawalan harga yang dilaksana juga bertujuan menyeragamkan harga barang basah.

Beliau berkata demikian, selepas membuat tinjauan harga di sebuah pasar raya di Jasin.

Dalam pada itu, Datuk Ismail turut meminta peniaga sentiasa memperkenalkan tanda harga.

<http://berita.rtm.gov.my/index.php/nasional/18516-peniaga-disaran-ikut-skim-kawalan-harga-yang-ditetapkan-kpdnhep>